

Pelaksanaan Kurikulum Dipelajari oleh Pelajar Pendidikan Islam di Kolej Pengajian Islam Selatan Thailand

Abdulrasyid Binhassan¹, Mahsdi Salae², Muhammad Syarif Hayisama-ae³, Fathiyah Chapakia⁴

¹Darus Rasyad Enterprises, Kelantan, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan, Universiti Fatoni, Thailand

³Fakulti Pendidikan, Universiti Fatoni, Thailand

⁴Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Fatoni, Thailand

¹darurrasyad2000@gmail.com, ²mahsidisalae1@gmail.com, ³sarif.hayisamaae@ftu.ac.th, ⁴Fathiyah@ftu.ac.th

ARTICLE INFO

Submit : 14-08-2023
Review : 14-08-2023
Accepted : 25-08-2023
Published : 28-08-2023

Keyword :

Curriculum
Pendidikan Islam
Pengajian Islam

ABSTRACT

This study aims to examine how the implementation of curriculum in Islamic studies colleges, public universities in the South of Thailand. A curriculum audit was adapted to explain the curriculum studied. The design of this study uses a qualitative case study method involving as many as nine students from an Islamic studies college in the south of Thailand selected as study participants. The main criterion for the selection of the study participants was that the students were following the subject of Islamic education based on the informants' information. The method of data retrieval is made by interview, observation and document analysis, the data which is "emergent" and "naturalistic" in nature is filtered and analyzed through the process of coding and sub-coding which forms themes and sub-themes to answer the questions of the study. The study findings show the implementation of the curriculum learned through textbooks whose content is important and useful, easy, and appropriate, adds new information, achieves goals and objectives, follows the plan and quality standards of the curriculum and this can help students achieve the objectives. For the implementation of the curriculum studied for teachers who show the attitudes, methods, and activities of teachers, they have their own style, firm, cheerful, clear voice and use of simple language, as for the activity is through the group in the form of discussion and presentation. For the implementation of the curriculum learned for students shows they have the experience of educational backgrounds

Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana pelaksanaan kurikulum di kolej pengajian Islam, universiti awam di Selatan Thailand. Audit kurikulum diadaptasikan untuk menerangkan kurikulum dipelajari. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif dengan melibatkan seramai sembilan orang pelajar dari sebuah kolej pengajian Islam di selatan Thailand dipilih sebagai peserta kajian. Kriteria utama pemilihan peserta kajian ialah pelajar yang mengikuti subjek pendidikan Islam berdasarkan maklumat informan. Kaedah kutipan data dibuat secara temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, data-data tersebut yang bersifat "emergent" dan "naturalistic" disaring dan dianalisis melalui proses pengkodan dan sub kod yang membentuk tema dan sub tema bagi menjawab soalan-soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan

kurikulum dipelajari melalui buku teks yang kandungan sukatan adalah penting dan berguna, mudah dan sesuai, menambah maklumat baru, tercapai matlamat dan objektif, mengikut plan dan standard kualiti kurikulum dan ini dapat membantu pelajar mencapai objektif. Bagi pelaksanaan kurikulum dipelajari untuk pensyarah yang menunjukkan sikap, kaedah dan aktiviti pensyarah, mereka mempunyai stail tersendiri, tegas, ceria, suara jelas dan guna bahasa yang mudah, adapun aktiviti ialah melalui kumpulan dalam bentuk perbincangan dan pembentangan. Bagi pelaksanaan kurikulum dipelajari untuk pelajar menunjukkan

1. Introduction

Menerusi pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam ia dapat memenuhi keperluan mengeluarkan bakal guru yang boleh menyesuaikan dirinya mengikut evolusi masyarakat dan menjadi tenaga pengajar yang bersedia untuk bekerja. Selain itu kolej pengajian Islam (KPI) berusaha menerapkan ilmu pendidikan pengurusan yang konsisten dan kurikulum teras yang berasaskan pendidikan Islam dalam konteks masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti yang mantap, beretika profesional perguruan yang tinggi, dan berkemahiran (Hassan Madman, 2008).

Pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam pada tahap yang melayakkan ijazah sarjana muda pendidikan pengajian Islam telah diiktiraf oleh kementerian pengajian tinggi pada tahun 2014 (Kolej Pengajian Islam, 1985). Secara umumnya tahun 2011-2015, kementerian pengajian tinggi Thailand telah memberi tumpuan pada pembangunan sumber manusia sebagai asas utama pembangunan dan kemajuan negara.

Misi KPI jelas, iaitu memberi tumpuan ke arah menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai mekanisme yang penting dalam melahirkan graduan yang berkualiti, dan ilmuwan yang perlu bagi membangun negara (Munitik Asia, 1983). Khususnya ilmu-ilmu pengetahuan Islam diintegrasikan dengan ilmu kemahiran, untuk membangun pelajar dan masyarakat berterusan yang mampu hidup dalam masyarakat yang pelbagai budaya. Sekali gus memenuhi tuntutan dan tanggungjawabnya untuk mengeluarkan tenaga mengajar dalam bidang pengajian Islam serta memajukan lagi perguruan. Sebagai memenuhi keperluan masyarakat serta menyahut dasar pembangunan ekonomi dan sosial negara, KPI ikut serta dalam program transformasi komuniti ASEAN dan masyarakat antarabangsa.

Justeru, kajian ini meneliti pelaksanaan kurikulum dipelajari pelajar pendidikan Islam di sebuah KPI di Selatan Thailand. Kajian tentang pelaksanaan kurikulum telah menjadi fokus utama pada akhir tahun 60-an dan awal tahun 70-an di barat (Snyder et al 1992). Mereka mendapati semakin banyak pengkaji lebih berminat untuk mengkaji pelaksanaan kurikulum dari segi pengalaman guru dan pelajar terhadap kurikulum untuk sesuatu subjek. Kajian terhadap ini adalah menjadi keperluan dan kepentingan oleh kerana KPI yang diiktiraf oleh kerajaan ini diperjuangkan oleh masyarakat Melayu Patani sekian lama. Maka pada tahun 1985 keperluan ini telah menjadi realiti bermula dengan rangka pelaksanaan penubuhan dan pembangunannya. Pada 1991 pendaftaran pelajar baharu bagi subjek pengajian Islam mula dibuka, perjuangan ke arah melahirkan institusi ini bukanlah perkara yang mudah,

mereka mempunyai pengalaman latar belakang pendidikan Islam semenjak sekolah tadika hingga ke sekolah menengah, dengan itu dapat mengukuhkan lagi maklumat, meningkatkan prestasi, menunjukkan kesungguhan, dan bagi pengalaman ulang kaji melalui minat, mementingkan pelajaran, memanfaatkan masa diluar kelas dan kesungguhan dengan mengguna kaedah ulang kaji bersama, pembahagian tugas dan perkhidmatan mengajar.

lebih-lebih lagi di bawah pentadbiran kolonial Siam Buddha.

Secara amnya, usaha ini diharapkan dapat mempelbagaikan kajian dalam bidang kurikulum pendidikan Islam yang biasanya memberi perhatian kepada kajian pedagogi dan gaya pembelajaran. Kajian ini akan beralih kepada meneliti dan mengkaji sudut pembentukan dan pelaksanaan kurikulum. Meskipun demikian, tidak dinafikan pedagogi dan gaya pembelajaran juga mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan.

Pelaksanaan dalam Oxford Advance Learner's Dictionary (2020) ialah implementasi atau sesuatu penerapan yang memberikan impak, merupakan proses penerapan idea, konsep, kebijaksanaan atau inovasi dalam sesuatu tindakan secara praktikal yang berkesan sama ada pada perubahan berupa pengetahuan, keterampilan, atau penilaian sikap. Mengikut Mulya (2007) pelaksanaan kurikulum mencakupi tiga elemen penting iaitu: (1) *pre test*, (2) pembentukan kompetensi, dan (3) *post test*. Pembentukan kompetensi merupakan kegiatan pelaksanaan proses pembelajaran, iaitu bagaimana kompetensi di bentuk pada pelajar dan bagaimana tujuan-tujuan belajar direalisasikan.

Untuk melaksanakan sesuatu kurikulum dengan jayanya, pendidik hendaklah terlebih dahulu memahami dan menghayati falsafah dan matlamat, struktur dan organisasi kurikulum serta sukatan pengajarannya. Di samping itu, guru harus mempunyai pengetahuan tentang mata pelajaran pengkhususannya serta mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai di antara satu sama lain. Pendidik juga, perlu mengendalikan pengajaran bagi pelajar pelbagai kebolehan, dan mempunyai ciri-ciri keguruan positif dan kreatif untuk melaksanakan dan menjayakan kurikulum yang terbentuk (Andi Abdu Muis, 2017).

Dengan ini dapat lihat peranan pendidik bagi pelaksanaan kejayaan kurikulum untuk semua peringkat pengajian meliputi tugas-tugas, seperti menganalisis objektif kurikulum dan isi kandungannya. Pendidik juga berperanan menentukan keperluan pelaksanaan seperti melengkapi diri dengan kemahiran mengajar dan penyediaan bahan-bahan pelajaran. Pendidik juga perlu merancang dan melaksanakan pengajaran mengikut kurikulum serta membuat penilaian untuk mengenal pasti kelemahan. Ini bertujuan meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan kurikulum dengan membuat pengubahsuaian dalam perancangan mengajar.

Mengikut Dhimas Aji Bayuari (2015) tahap kurikulum berbasis kompetensi mencakupi tiga tahap asas iaitu: (1) perkembangan kurikulum yang mengandungi program dan

aktiviti tahunan, cuti semester, bulanan, mingguan dan harian. Selain itu, ada juga program bimbingan dan kaunseling atau lain-lain, (2) pelaksanaan pembelajaran adalah proses interaksi antara pelajar dengan persekitarannya sehingga terjadi perubahan perilaku ke arah yang lebih baik, dan (3) evaluasi atau penilaian iaitu proses yang dilaksanakan pada akhir semester serta penilaian akhir formatif atau sumatif, sebagai penilaian keseluruhan untuk keperluan evaluasi pelaksanaan kurikulum. Bagi Nicholls (1983), dalam *Developing a Curriculum* terdapat lima langkah pelaksanaan kurikulum iaitu: (1) tujuan-tujuan pendidikan yang merangkumi matlamat dan objektif, (2) pembentukan kaedah dan bahasa yang merangkumi reka bentuk kurikulum, isi kandungan kurikulum, topik-topik terkandung dalam setiap mata pelajaran, bahan-bahan pelajaran dan strategik pengajaran dan pembelajaran, (3) pelaksanaan yang merangkumi pentafsiran hasil penilaian dan pengubahsuaian, (4) penilaian semasa peringkat percubaan dan pelaksanaan, dan (5) ialah maklum balas yang merangkumi pentafsiran hasil penilaian dan pengubahsuaian.

Kurikulum dipelajari ialah segala kurikulum yang dipelajari oleh pelajar atau pengalaman pembelajaran (Brown, 2009; Thornton, 1985) dan merupakan perkara yang pelajar telah mempelajari dalam bilik kuliah. Kurikulum dipelajari juga merangkumi segala pengalaman dan perkara betul-betul dialami pelajar di dalam bilik kuliah. Menurut Glatthorn (1999) kurikulum dipelajari bukan setakat merupakan jenis kurikulum yang terpenting antara pelbagai jenis kurikulum, malahan merupakan jenis kurikulum yang kurang dapat dikawal oleh pelajar.

Dengan adanya strategi dan kepelbagaian kaedah dan aktiviti mengajar dapat membantu tahap pencapaian pelajar (Hamidah, Siti & Farah, 2004). Pendidik yang menggunakan pelbagai corak kaedah dalam pengajaran akan menggalakkan pelajar dari menjadi bosan, dan menambah lagi keaktifan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Peringkat pelaksanaan aktiviti pembelajaran pelajar dalam pelaksanaan kurikulum dipelajari juga boleh menyampaikan isi pelajaran dengan sistematik serta berkesan melalui penggunaan sumber dan bahan bantu mengajar (Zakaria & Ahmad Shukri Yahaya, 2004).

Peralatan kemudahan pengajaran perlu disediakan sebelum amalan pelaksanaan pengajaran di langunkan. Kebijaksanaan pendidik menggunakan alat bantu mengajar adalah salah satu faktor yang dapat membangkit dan mengekalkan minat para pelajar bagi mengikuti pelajaran sehingga ke akhir pelajaran (Abdullah Sani dan kawan-kawannya, 2007). Di samping itu, penggunaan alat bantu mengajar dapat mempertingkatkan kefahaman konsep serta penglibatan pelajar yang lebih aktif dalam aktiviti pembelajaran (Lai Kim Leong dan kawan-kawannya, 2010). Glatthorn (1999) mengatakan bahawa kurikulum bertulis cuma mempunyai pengaruh yang moderat terhadap kurikulum pengajaran.

Ini menunjukkan bahawa penggunaan alatan dalam proses pengajaran perlu diberi perhatian oleh pendidik pendidikan Islam. Dengan persediaan alat yang baik dan sesuai masa pengajaran dan pembelajaran akan dapat digunakan dengan lebih efektif. Pelajar atau pendidik tidak

perlu membuang masa untuk mengambil dan menyediakan peralatan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran.

Pengalaman pembelajaran pelajar bermaksud segala gerak balas atau interaksi pelajar dengan latar belakang dan persekitaran hidup yang berlaku melalui perubahan tingkah laku pelajar. Ini memerlukan penglibatan pelajar dengan aktif dan pelajar akan belajar melalui perkara yang dilakukan dan dilalui (Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Maka pengalaman-pengalaman tersebut meningkatkan ilmu pengetahuan yang sedia ada, memberi pengalaman belajar yang mencabar pemikiran serta dapat mencerna maklumat dan dapat mengembangkan lagi sifat mendiri.

Menurut Ornstein dan Hunkins (2004) dalam konteks kurikulum dipelajari atau yang dikenali dengan kurikulum *dealing with the experiences of the learner* pelajar merupakan sasaran utama perancang dan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Pencapaian pelajar setelah mengalami proses pembelajaran yang telah dirancang dalam kurikulum amat diambil berat oleh pendidik dan pakar-pakar dalam bidang pendidikan bersetuju dengan pandangan Ornstein dan Hunkins. Persepsi tentang pencapaian pelajar harus berubah daripada perkara yang pelajar tahu dan ini boleh lakukan kerana pengalaman mereka dalam proses pendidikan (Glatthorn, 1999).

Porter dan Smithson (2001) pula mempertikaikan sama ada perkara yang diajar oleh guru merupakan kandungan yang terkandung dalam kurikulum bertulis dan dapat dipelajari oleh pelajar. Cuban (1995) menyatakan perkara yang diuji terbatas kepada bahagian daripada perkara yang ingin disampaikan oleh pereka polisi. Selain itu, Brophy (1982) berkata cuma sebahagian kecil daripada kurikulum bertulis yang benar-benar dipelajari oleh pelajar. Sehubungan dengan itu, kurikulum tidak pernah dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi telah diadaptasikan oleh pengguna terutamanya pendidik (Snyder, et al., 1992). Ini kerana kurikulum pengajaran yang disampaikan oleh pendidik dipengaruhi oleh kefahaman terhadap falsafah panduan kurikulum bertulis (Moore, 1984; Weisz, 1988). Justeru itu, sungguhpun mempunyai kurikulum bertulis yang paling bercita-cita tinggi, pencapaiannya masih bergantung kepada keefisienan pendidik semasa melaksanakannya (Menis, 1999).

Maka apa yang harus ditanyakan dalam pengalaman ini adalah apa yang akan atau telah dikerjakan oleh pelajar bukan apa yang akan atau telah diperbuat guru. Ini ialah langkah untuk merancang suatu kurikulum dengan mengorganisasikan pengalaman belajar baik dalam bentuk unit mata pelajaran mahupun dalam bentuk program. Langkah ini sangatlah penting, sebab dengan pengorganisasian yang jelas akan memberikan arah tuju dalam pelaksanaan proses pembelajaran. Sehingga menjadi pengalaman belajar yang nyata dan realiti kepada pelajar.

Ini juga dikenali sebagai pemprosesan evolusi, yang merupakan langkah untuk mendapatkan informasi tentang pencapaian tujuan yang telah ditetapkan. Evolusi dapat menentukan apakah kurikulum yang digunakan sudah sesuai dengan tujuan yang ingin dicapai oleh sekolah atau belum. Evolusi harus menilai apakah telah terjadi

perubahan tingkah laku pelajar dengan objektif pendidikan yang telah dirumuskan, dan juga evolusi seharusnya menggunakan lebih dari satu alat penilaian dalam suatu waktu tertentu.

Kurikulum dan pelaksanaannya adalah antara isu yang dibincangkan di peringkat antara bangsa sebagaimana dalam seminar Pendidikan Islam Malaysia pertama dan kedua semenjak tahun 1972 dan 1976. Seminar ini telah membahaskan isu-isu pendidikan Islam, di antaranya masalah fakulti pengajian Islam dan masa hadapannya di peringkat pengajian tinggi, antara resolusi-resolusi seminar tersebut ialah konsep penubuhan dan peranan maktab perguruan Islam.

Di peringkat Kementerian Pelajaran Thailand, isu sama yang dihadapi oleh pihak kementerian iaitu pelaksanaan dan pengisian kandungan kurikulum bagi penubuhan institusi akademik Islam (Ismail Ab.Rahman, 1993). Mutu dan standard kualiti pelajar sangat rendah sehingga ramai di kalangan pelajar tidak dapat menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ini berpunca dari faktor pelaksanaan kurikulum dan isi mata pelajaran pendidikan Islam yang tidak selaras. Ini telah memaksa pihak berkuasa untuk menubuhkan pusat pengajian Islam. (Muhamatsakree, 2008).

Adapun masalah yang sering timbul dalam pelaksanaan kurikulum dipelajari, adalah teknik untuk memotivasi pelajar supaya bersedia dan berminat untuk belajar. Diantara pendekatannya ialah seperti memberi peluang dan membuka pandangan kepada pelajar, memperbanyakkan kerja kumpulan dalam bentuk projek, bukan sekadar mendengar syarahan sahaja (Chandanai Srisa, 2016).

Penyelesaian masalah kadang-kadang dipandang sebagai salah satu bentuk pengetahuan yang tertinggi. Maka untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi Islam, maka isu-isu tersebut hendaklah dilihat dalam proses membuat keputusan berasaskan maklumat. Kajian ini meneliti pelaksanaan kurikulum dipelajari pendidikan Islam berautonomi yang berlaku di sebuah kolej pengajian Islam Pattani, Selatan Thailand. Dengan harapan kajian ini akan menjadi panduan dan rujukan penting untuk institusi pengajian Islam di setiap tahap dan peringkat di Thailand.

Kajian pelaksanaan kurikulum bertujuan untuk melihat sejauh mana penerapan pelaksanaan kurikulum dipelajari pendidikan Islam dapat difahami dan diterapkan dalam bilik kuliah. Bertitik tolak dari tujuan tersebut, maka objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kurikulum dipelajari pendidikan Islam di sebuah kolej pengajian Islam awam Selatan Thailand berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan. Maka penyelidik telah mengenal pasti soalan kajian adalah bagaimanakah pelaksanaan kurikulum dipelajari pendidikan Islam di sebuah kolej pengajian Islam awam Selatan Thailand?

2. Research Methods

Kajian ini memerlukan deskripsi yang menyeluruh dan pemahaman yang mendalam untuk meneliti kaedah sebenar pelaksanaan kurikulum pengajaran pendidikan Islam. Dengan itu kaedah kualitatif amat sesuai diaplikasikan untuk kajian ini, maka penyelidik menjadikan dirinya sebagai instrumen utama dengan turun ke medan kajian

untuk menjalankan temu bual dengan pelajar. Maka melalui kaedah kualitatif dalam kajian ini mampu mengumpul data sebanyak mungkin. Menurut Draper (1996) kaedah ini dapat membekalkan informasi yang lebih mendalam berbanding dengan kaedah kuantitatif. Kajian kualitatif meneliti fenomena berdasarkan epistemologi subjektif ataupun konstruktif. Secara umumnya, pengkaji kualitatif mengkaji sesuatu fenomena secara interpretatif dengan cara memahami interpretasi peserta terhadap dunia mereka (Parlett & Hamilton, 1977). Maka dengan kaedah penyelidikan kualitatif ini juga penyelidik yakin dapat membentuk teori berdasarkan situasi atau fenomena daripada data kajian.

Pemilihan peserta kajian tujuan utama kajian adalah untuk mendapat data dan maklumat daripada perspektif peserta kajian (Merriam, 1990). Manakala Marohaini (1996) pula berpendapat bahawa pemilihan peserta kajian yang dapat membekalkan data maklumat yang kaya, adalah sangat penting. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada peserta pelajar ialah mereka yang mengambil kursus sarjana muda pendidikan Islam dan yang masuk tahun kedua atau semester yang ketiga di universiti ini. Tujuan ini dilakukan bagi memperlengkapkan pengutipan data di samping mengukuhkan penganalisan data dan juga pencapaian pelajar dalam mata pelajaran kurikulum pendidikan Islam pada semester pertama dan kedua digunakan sebagai justifikasi pemilihan pelajar. Peserta pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini juga dipilih secara rawak dan sukarela. Peserta kajian pelajar terdiri dari 13 orang yang terdiri daripada Aminah, Asma, Zaid, Taufiq, Himmah, Dayang, Said, Suaibah dan Ruhana. Ringkasan profil peserta kajian pelajar adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 01 di bawah.

Tabel 1. Peserta Kajian Pelajar

Peserta Kajian	Asal	Umur (Tahun)	Jantina
Aminah	Naratiwat	21	Perempuan
Asma	Songkla	21	Perempuan
Zaid	Pattani	22	Lelaki
Himmah	Nuntakburi	19	Perempuan
Dayang	Pangga	19	Perempuan
Taufiq	Bangkok	20	Lelaki
Said	Pattani	21	Lelaki
Suaibah	Pattani	21	Perempuan
Ruhana	Patlung	21	Perempuan

Pengumpulan data untuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik pemerhatian, temul bual dan dokumen (Creswell, 2005). Kaedah-kaedah tersebut untuk mengumpul data dan maklumat supaya dapat mengetahui senario dan fenomena pensyarah terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam.

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan temu bual berbentuk semi struktur sebagai panduan untuk bertemu bual. Satu senarai soalan atau isu yang ingin ditinjau diguna sebagai panduan semasa temu bual dijalankan. Temu bual dijalankan sepanjang tempoh kajian ini sebanyak tiga kali atau lebih untuk setiap peserta jika ada masih kurang memuaskan. Setiap temu bual mengambil masa 30 minit hingga 45 minit oleh kerana tempoh masa tersebut adalah

sederhana tidak terlalu panjang dan juga tidak membawa kepada stres disamping itu. Temu bual berlangsung secepat mungkin selepas kelas pemerhatian, kerana segala perkara yang berlaku dalam bilik kuliah masih segar dalam fikiran peserta kajian.

Dokumen-dokumen dalam kajian ini merupakan sumber asas maklumat dan data tentang sejarah, isi kandungan kurikulum pendidikan Islam, pelaksanaan kurikulum, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dan menyokong. Mengikut Merriam (1988) dokumen adalah data sokongan atau tambahan (*supplementary*) data dokumen dapat menyediakan maklumat yang sangat berguna bagi membantu penyelidik memahami sesuatu fenomena yang berlaku serta boleh menjadi bukti sebenar yang dapat dilihat, dirasa dan dipegang dan juga memberi maklumat yang pantas kepada penyelidik boleh terus dianalisis tanpa perlu membuat transkripsi (Creswell, 2008).

3. Results and Discussions

Dapatan menjelaskan bagaimana pelajar melaksanakan kurikulum dipelajari pendidikan Islam melalui dapatan yang diperoleh secara *emergent* dari tiga kelas subjek al-Quran, Fiqah dan Aqidah. Kurikulum dipelajari merupakan perkara yang pelajar telah mempelajari melalui pengalaman yang dialami. Selain itu diungkapkan sebagai kurikulum yang kurang dapat dikawal oleh pelajar seperti ujian dan penilaian pencapaian pelajar yang dikendalikan oleh pensyarah. Dari segi pembahagian tema merujuk pelaksanaan melalui buku teks terdiri dari isi kandungan dan bahan rujukan, pensyarah yang melihat kepada sikap, kaedah dan aktiviti, dan pelajar dengan melihat kepada pengalaman latar belakang, persiapan kelas dan ulang kaji, dan akhirnya ujian dan pencapaian.

a. Pelaksanaan Melalui Isi Kandungan Dan Bahan Rujukan

Isi kandungan ibarat sukatan pelajaran yang dipelajari pelajar dan merupakan ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengisian maklumat baharu bagi sesuatu subjek, dalam kajian ini terdiri daripada tiga subjek terah pendidikan Islam ialah al-Quran, Fiqah dan Aqidah. Dapatan kajian menunjukkan isi kandungan subjek-subjek ini adalah tersusun mengikut jadual yang ditetapkan, perkara yang diajar adalah penting dan berguna, serta kebanyakan isi kandungan adalah mudah dan sesuai. Pelaksanaan kurikulum dipelajari melalui isi kandungan telah menepati matlamat dan tercapai objektif seperti apa yang dirancang pengurusan kurikulum, ia selaras mengikut piawaian standard kualiti kurikulum. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa isi kandungan dan sukatan pelajaran amat berguna untuk diaplikasikan ilmunya, peserta pelajar meluahkan perasaan selesa, mesra dan seronok ketika amalan pelaksanaan kurikulum dipelajari berlangsung dalam bilik kuliah. Demikian itu, dari dorongan kesedaran aqidah yang ditanam dan kepercayaan dengan kitab suci al-Quran yang menjadi perkara pasti tahu dan mengambil berat dalam kehidupan Muslim seharian, lebih lagi dalam suasana masyarakat berbilang agama.

Dapat diulas bahawa, sumber bahan yang menjadi pilihan peserta pelajar dalam kelas adalah penyampaian pensyarah dan buku teks adalah merupakan rujukan dan bahan bantu mengajar. Respon peserta pelajar mendapati mereka memahami dan boleh menjawab soalan pensyarah dan berkongsi cerita dalam bab yang dipelajari apabila ditanya. Pelajar bersetuju bahawa buku teks dan buku nota yang menjadi rujukan dalam kursus ini dapat membantu pembelajaran pendidikan Islam. Adapun sumber yang paling banyak membantu dalam pembelajaran pendidikan Islam ialah syarahan kalau dibandingkan dengan aktiviti kelas dan buku rujukan.

Kurikulum dipelajari melalui bahan rujukan banyak membantu para pelajar dalam memastikan pencapaian objektif dalam bilik kuliah, buku teks dapat membantu pelajar mempelajari kesemua mata pelajaran sama ada al-Quran, Fiqah dan Aqidah. Kesemua pelajar dalam kajian ini menunjukkan sikap siap siaga yang tinggi terhadap kepentingan dan keperluan terhadap bahan buku teks. Sumber bahan bantu pelajar dalam mendapat ilmu terdiri dari: pensyarah, buku teks dan nota. Umumnya pelajar dapat menguasai ilmu pengajaran dengan baik, Jika tidak faham mereka akan merujuk kawan-kawan terlebih dahulu, seterusnya pensyarah dan bahan buku teks.

Pakar-pakar kurikulum Islam telah menggariskan beberapa kriteria yang perlu diberi perhatian sewajarnya berkaitan kurikulum dipelajari, mengikut Jaudat Ahmad Sadah dan Abdullah Ahmad Ibrahim (2004) lima kriteria untuk isi kandungan kurikulum yang perlu menepati ialah; kebermanaan, minat pelajar, kemanfaatan, kesahan dan boleh di pelajari. Bagi Ali Ahmad Madkur (2006) menggariskan panduan yang lebih jelas berdasarkan perspektif Islam dengan menetapkan lima syarat iaitu kandungan kurikulum seharusnya bertepatan dengan tasawwur Islam dari segi bentuk dan isinya, mematuhi matlamat umum dan objektif khusus yang ditetapkan. Selain melengkapi antara ilmu wahyu dan ilmu pemerolehan, sesuai dengan peringkat dan perkembangan pelajar dan menyepadukan teori dan amali.

b. Pelaksanaan Pensyarah Melalui Sikap, Kaedah Dan Aktiviti

Perbincangan kurikulum dipelajari berkaitan sikap dan penglibatan pensyarah terhadap kaedah dan aktiviti pengajaran. Di antara sikap mereka ialah mempunyai gaya tersendiri, tegas, keceriaan, suara yang jelas, bahasa yang mudah, mesra melalui gelak ketawa, persembahan yang menarik, interaksi dan tidak cepat marah. Kegunaan kaedah pengajaran dan bahan persiapan yang menarik, teknik yang cekap, kepelbagaian kaedah yang tersendiri dan sering berubah, menjadi tarikan kepada pelajar, suka panggil nama pelajar dan bergerak melihat aktiviti pelajar. Ini menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar memberi perhatian yang baik, tambah lagi dengan keadaan suasana dalam kelas menunjukkan keseronokkan dan aktif dengan soal jawab dan pertanyaan tanpa stres atau mengantuk. Tambah lagi terdapat perbincangan isu semasa atau perkara yang baru disamping aktiviti menggunakan bahan-bahan dan data-data.

Dari sini dapat diulaskan bahawa aktiviti yang paling disukai peserta pelajar ialah aktiviti kerja kumpulan, perbincangan dan pembentangan di depan kelas, penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kelas ini adalah penting. Mereka dapat mengingat melalui berbincangan, perasaan mereka gembira apabila dapat menjawab dan membuat sesuatu yang boleh meningkatkan daya usaha dalam mencapai objektif. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah berguna dan sesuai untuk membantu pelajar menjadi guru pada masa depan. Peserta pelajar berpendapat aktiviti yang melibatkan interaksi pelajar terhadap apa yang dipelajari adalah mendatangkan manfaat, dengan memperbanyakkan aktiviti kelas dapat mempraktikkan apa yang dipelajari dalam kelas.

Sehubungan dengan itu, bagi Glathorn (1999) menjelaskan pensyarah menggantikan masa untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran secara terperinci dan membincang dalam kelas melalui aktiviti kelas seperti: aktiviti kumpulan yang membolehkan pelajar mengeluarkan cara mereka berfikir. Hal ini menerangkan bahawa dalam realiti pelajar selalu tidak dapat mempelajari perkara yang diajar oleh pensyarah.

c. Melalui Pengalaman Latar Belakang

Dapatan kajian pelaksanaan kurikulum dipelajari melalui pengalaman latar belakang pelajar, didapati kesemua peserta pelajar mempunyai asas fardu ain dari peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah, bagi sekolah-sekolah TADIKHA adalah di bawah pengelolaan masjid atau surau di kampung masing-masing. Mereka mempunyai asas kepada subjek al-Quran, Fiqah dan Aqidah. Dengan pengalaman tersebut mereka dapat membantu pengajiannya di peringkat universiti untuk mengukuhkan maklumat yang sudah dipelajari dulu. Tahap pengalaman kemahiran bahasa Melayu dan bahasa Arab adalah pada tahap sederhana, oleh kerana sekolah-sekolah tersebut menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar. Pencapaian prestasi pelajar adalah terbaik dengan latar belakang dan bersungguhan mereka, dengan itu, mereka dapat mencapai apa yang dihasratkan serta beranggapan bahawa pendidikan Islam adalah darah daging seorang muslim dan sebagai mata pelajaran yang perlu dipelajari, dan menjadi amalan (*tatbiqi*) rutin kehidupan seharian jika berbanding dengan subjek-subjek lain.

Mengikut Brown (2009) dan Thornton (1985) kurikulum dipelajari atau kurikulum pengalaman merupakan perkara yang pelajar telah mempelajari dalam kelas-kelas yang lalu, merangkumi segala pengalaman dan perkara yang dialami pelajar. Menurut Glatthorn (1999) kurikulum dipelajari merupakan jenis kurikulum yang kurang dapat dikawal oleh pelajar dan juga ujian piawai nasional, ujian dari pihak institusi dan ujian penilaian pencapaian pelajar yang dikendalikan oleh pensyarah.

d. Melalui Persiapan dan Ulang Kaji

Dalam semua subjek pendidikan Islam didapati pelajar membuat persediaan yang menjadi kebiasaan kepada mereka, lebih-lebih lagi apabila menghadapi peperiksaan, persediaan pelajar sebelum kelas adalah dapat membantu untuk memudahkan pemahaman pelajaran. Semua peserta

pelajar menunjukkan ada kesungguhan dan minat setiap kali menghadiri kelas, di dalam kelas juga pensyarah suka bertanya berkenaan persiapan pembelajaran mereka. Disini menunjukkan pensyarah memberi kepentingan kepada persiapan awal pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap pelajar mempunyai cara dan peruntukan masa mengulang kaji pelajaran pendidikan Islam masing-masing. Kebiasaannya pelajar membuat persiapan sebelum memasuki kelas atau waktu malam. Setiap peserta pelajar memperuntukkan masa dari 4 jam hingga 6 jam seminggu, atau 56 jam hingga 84 jam dalam satu-satu penggal, masa peruntukkan mengulang kaji pelajaran mereka setiap minggu mengikut jumlah masa yang diperuntukkan. Ini menunjukkan kesungguhan peserta pelajar dan minat mereka dalam mencari ilmu, dengan ini dapat membantu peserta untuk meningkatkan lagi pesertasi pencapaian.

Ini menunjukkan pelajar lebih suka dan minat serta mementingkan pelajaran pendidikan Islam, kerana masa yang diperuntukkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam bermanfaat untuk belajar diluar kelas. Kesungguhan peserta pelajar dan minat mereka dalam mencari ilmu melalui aktiviti luar kelas dapat membantu mereka untuk meningkatkan lagi prestasi pencapaian. Kaedah yang digunakan seperti ulang kaji bersama dan pembahagian tugas dapat mengekalkan daya ingatan. Ada juga beberapa orang pelajar mengambil inisiatif berkhidmat mengajar kanak-kanak di pusat bimbingan fardu ain sebagai kaedah ulang kaji.

Natijah perbincangan tersebut penyelidik dapat membuat ulasan bahawa kebanyakan pelajar mengulang kaji pelajaran mereka dan lebih memberi penekanan lagi jika menghadapi tugas dan tanggungjawab atau kerja rumah yang diberikan atau peperiksaan dan didapati juga pelajar mampu memahami sepenuhnya kurikulum ditulis dan kurikulum yang diuji untuk kursus ini. Sehubungan dengan itu, pelajar mengulang kaji pendidikan Islam berdasarkan kurikulum yang ditetapkan, mengikut Cuban (1995) dan Yangki (1998) perkara yang diuji adalah terbatas kepada sebahagian daripada perkara yang ingin disampaikan oleh pereka polisi dan pengajaran pensyarah,

e. Melalui Ujian Pencapaian dan Penilaian


Mengikut dapatan kajian ujian pencapaian dan penilaian merupakan pemangkin utama yang mendorong pelajar membuat ulang kaji dan belajar sendiri, pelajar dipercayai bahawa penilaian dapat menguji penguasaan ilmu. Semua pelajar dalam kajian ini berpendapat bahawa kaedah penilaian kemahiran pemahaman dan mengaplikasi untuk kursus pendidikan ini adalah sesuai.

Secara umumnya peserta pelajar dengan ada persediaan sebelum kelas menjadi faktor penting untuk pelajar memahami pelajaran dan menentukan pencapaian mereka. Pendek kata, pelajar-perajar berpendapat bahawa pencapaian akademik masing-masing adalah lebih daripada mendalami ilmu setelah mengikuti kursus pendidikan Islam sepanjang satu penggal ini. Kaedah penilaian bermula dalam kelas lagi, termasuk kehadiran kelas, sesi soal jawab dan pemarkahan, secara amnya, peserta pelajar memahami pengajaran yang dipelajari dalam kelas dan dapat

mengaplikasikan serta mengajar ilmunya. Persediaan pelajar sebelum ujian menentukan pencapaian pelajar, mereka berpendapat bahawa pencapaian akademik pada tahap pencapaian baik, kesungguhan serta minat pelajar membuat persiapan dan ulang kaji sebelum ujian amat

penting untuk mendapat kefahaman dalam semua bidang ilmu pendidikan Islam.

Keseluruhannya dalam rajah 01 yang tertera di bawah dapat dilihat konsep pelaksanaan kurikulum dipelajari pendidikan Islam.



Gambar 1. Konsep Pembelajaran Kurikulum

4. Conclusion

Berdasarkan penjelasan dapatan kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan serba ringkas terhadap pelaksanaan kurikulum dipelajari pendidikan Islam di sebuah universiti awam, bahawa pelaksanaan kurikulum dipelajari melalui kandungan sukatan adalah

penting dan berguna, mudah dan sesuai, menambah maklumat baru, tercapai matlamat dan objektif, mengikut plan dan standard kualiti kurikulum. Bahan buku teks membantu pelajar mencapai objektif. Beralih pada pensyarah dan kaedah pengajaran, kaedah pengajaran pensyarah boleh ditafsirkan sebagai sikap

dan gaya tersendiri. Ianya tegas disamping milik keceriaan, mekanisme, suara yang jelas dengan berbahasa mudah. Ada masa-masa diapati bilik kuliah dipenuhi gelak ketawa, interaksi, aktif, menarik dengan isu semasa dan cekap. Suasana dalam kelas menyeronokkan, aktif dengan soal jawab tanpa stres atau mengantuk. Pengalaman latar belakang mengukuhkan lagi maklumat, meningkatkan prestasi, menampakkan kebijaksanaan, kesungguhan, penting, keperluan, dan menjadi amalan kehidupan seharian. Dan juga melalui pengalaman persiapan awal yang menjadi faktor utama ialah kesungguhan dan minat. Pengalaman aktiviti adalah aktiviti kerja kumpulan dalam bentuk perbincangan dan pembentangan. Faktor minat dengan aktiviti ini ialah ingat kembali, gembira apabila dapat menjawab, mencapai objektif, melatih menjadi bakat guru, interaksi dan mempraktik. Sebagai dorongan pengalaman ulang kaji ialah suka dan minat, mementingkan pelajaran, memanfaatkan masa diluar kelas dan kesungguhan. Kaedah-kaedah yang diguna ialah ulang kaji bersama, pembahagian tugas dan perkhidmatan mengajar. Akhirnya, pengalaman ujian dan pencapaian mendorong pelajar untuk mengulang kaji pelajaran. Ujian dan pencapaian dapat menguji penguasaan ilmu. Kaedah penilaian bermula dengan kehadiran kelas, sesi soal jawab dan pemarkahan. Faktor kesungguhan dan minat membuat ulang kaji amat penting untuk mencapai kemahiran kefahaman dalam semua bidang ilmu pendidikan Islam.

Reference

- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rasyid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah (2007). Guru sebagai pemimpin. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Ali Ahmad Madkur (2006). Nazariyyat al-Manahij al-Tarbawiyah, Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Andi Abdu Muis, (2017). Pengembangan Metode Mengajar Guru Pendidikan Agama Islam di SMP Negeri 9 Parepare. Jurnal Tarbawi Vol. 14. No. 1. Januari - Juni 2017. Universitas Muhammadiyah Parepare Provinsi Sulawesi Selatan
- Brophy, J. E. (1982). How teacher influence what is taught and learned in classroom. The Elementary School Journal. 83(1), 1-12 The University of Chicago.
- Brown (2009). Curriculum Consonance and Dissonance in Technology Education Classroom. Journal of Technological Education, 20(2)
- Chandanai Srisa (2016). Panha Karnam laksutr Paichai Nai Stabansuksa. Berdasarkan web yang diperolehi pada Jun 2019 daripada <https://www.gotoknow.org/posts/614845>
- Creswell, J.W. (2005). Research Design:Qualitative and Quantitative Approaches. London, UK: Sage.
- Creswell, J.W. (2008). Controversies in Mixed Methods Research. In N.K. Debin., & Y.S.
- Cuban (1995). The hidden variable: how organization influence teacher responses to secondary science curriculum reform. Theory Into practice.
- Draper (1996) Observing, measuring, or evaluating courseware: a conceptual introduction. Dlm G. Stoner (Eds.), LTDI handbook in implementing learning technology, Heriot Watt University: Edinburgh.
- Dhimas Aji Bayuuri (2015). Dhimas Aji Bayuuri (2015). Pengembangan Kurikulum: Teknologi Pendidikan. Dimuat turun dari web pada 12 February 2019 daripada <http://dhimasaji.blogs.uny.ac.id>
- Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah dan Farrah Dina Yusop (2004). Peranan Ibu Bapa dan Guru dalam Membantu Pelajar-pelajar yang Menghadapi Masalah Pencapaian Akademik. My Jurnal Vol.1 27,2004. Putrajaya : Bahagian Sitis dan Infometrik
- Hassan Madmaran (2008). Penubuhan Universiti Awam Sebagai Pusat Pembangunan Tamadun Ummah: Seminar Pendidikan Islam. Pattani: Universiti Islam Yala.
- Ismail Ab.Rahman. (1993). Pendidikan Islam Malaysia. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaudat Ahmad Sadah dan Abdullah Ahmad Ibrahim (2004). Al-Manhaj al-Madrasi al-Muasir. Edisi 4, Amman: Dar al-Fikr.
- Glatthorn (1999). Alignment revisited. Journal of curriculum and supervision, Fall, 15(1),
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) Buku Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu. Putrajaya, Malaysia: Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
- Kolej Pengajian Islam (1985) Laporan Seminar Akadimi Islam Bertima: Islam dan cara Hidup. Pattani: Universiti Songkla Nakareen-Pattani.
- Lai Kim Leong, Khaw Ah Hong, & Seah Ai Kuan (2010). Satu kajian mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran matematik di sekolah rendah. Retrieved September 12,2016. From: <http://blogger,kebunan . info/does/tahap-penggunaan-alat-bant>.
- Marohaini Yusof (1996). Perlaksanaan dan Proses Mengarang Pelajar Melayu dalam Bilik Darjah Tingkatan Empat: Satu Kajian kes. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan yang belum diterbitkan, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Meriam, B.S. (1988). Case Study Research in Education: A Qualitative Approach. San Francisco : Jassey- Bass Pub.
- Meles, M.B., & Huberman, A.M.. (1994). Qualitative Data Analysis: An Expended Sourcebook, (2nd Edition). Thousand Oaks: Sage.
- Menis (1991). Currikulum in Israel ninth grade classes: The intended, implemented and the achieved curricula. Research in Science and Technological Education,9 (2).

- Merriam, S. B. (1990). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. (3rded). San Francisco: Jossey-Bass.
- Muhamatskree Manyunu (2008). *Analisis Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand (1961-2003)*. Disertasi Ijazah Doktorah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Mulyasa E. (2007). *Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan Sebuah Panduan Praktis*. Bandung : Remaja Rosdakarya.
- Muniti Asia, (1983) *Raingankharprachum Sammana Peachattan Sun Islamsuksa*. Pattani: Mahavityalai Songkla
- Moore (1984). *Curriculum implementation: a survey of techers' levels-of-use of "The program and the six year old" and "Social and environmental studies (grades 5-6)" guides*. Research Report.
- Nicholls, A. (1983) *Developing a Curriculum: A Practical Guide*. Unwin Education. New York: International Publications Service, Collings, Inc.,
- Ornstein, A.C., & Hunkins, F.P. (2004). *Curriculum. Foundations, Principles, and Issues*. 4th edition. Needhaam Heights: Allyn & Bacon.
- Oxford Learner's Dictionaries, (2020) Oxford University Press <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/pdf>
- Parlett & Hamilton D. (1977). *Evaluation as illumination: A new approach to the atudy of innovatory program*. Dlm M. Parlett & G. Dearded, *Introduction to illuminative evaluation: Studies in Higher Education*, Pacific Sounding Press, Cardiff-by-the-Sea, California.
- Snyder., et all (1992). *Curriculum implentation*. dlm P.W Jackson (Eds.) *Handbook for research on curriculum*, New York, NY: Macmillan.
- Thornton, S.J. (1985). *Curriculum Consonance in United States History Classroom*. Stanford University, Stanford, CA.
- Weisz (1988). *Carriculum Planning and Enacment of Beginning Teacher-Is there a fit or a gap between the two?: Paper presented at the Annual Meeting of the American Education Research Association* (New Orleans, LA, April 5-8 1988).
- Yangki (1998), *The intended and the taught curricula in grade 6 geography in Bhutan: A curriculum audit*: University of New Brunswick, Canada.
- Zakaria & Ahmad Shukri Yahaya (2004). *Kecerdasan Emosi Dalam Bidang Pendidikan Teknikal: Ke arah Pemikiran Strategik*. Wacana Pemikiran Dalam Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia